

# Nasihat PM kepada OIC

BH 27 JUN 2000

SUBANG, Isnin - Malaysia yang mempelopori usaha membentuk kerangka baru kewangan antarabangsa bagi melindungi kepentingan negara membangun, berharap negara anggota Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) menyelami isu itu bagi mengelak ditindas kuasa Barat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kebanyakan anggota OIC kini ditekan kerana Ta-

bung Mata Wang Antarabangsa (IMF) menguasai kewangan beberapa negara Islam.

"Ini termasuk Mesir yang cuba ditekan IMF yang mahu negara itu membenarkan bank asing masuk.

"Jadi, kita dapati masalah kita (negara anggota OIC) sama dari segi perancangan kumpulan tertentu di antara negara yang berkuasa ini, untuk menguasai ekonomi," katanya dalam sidang akhbar di Lapa-



كوالا ليمپور  
2000

ngan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, di sini hari ini se kembalinya daripada menghadiri sidang kemuncak ke-10 Kumpulan Negara-Negara Membangun (G-15) di Kahe-rah.

Dr Mahathir diminta mengulas mengapa Malaysia mengu-

**LIHAT MUKA 4**

## Malaysia mahu lihat OIC bersatu padu: Mahathir

DARI MUKA 1

BH 27 JUN 2000

sulkan resolusi mengenai kerangka baru kewangan antarabangsa pada Persidangan Menteri Luar Negara-Negara Islam (ICFM) yang bermula di sini esok, sedangkan perkara itu kerap dikemukakan pada mesyuarat badan tertinggi lain, termasuk persidangan Kumpulan 77 (G77) dan Kumpulan 15 (G15) sebelum ini.

Persidangan ketua-ketua

negara G77' di Havana April lalu, antara lain berse-  
setuju berusaha mewujudkan satu kerangka kewangan antarabangsa bagi menangani isu pembiayaan untuk pembangunan dan kestabilan sistem kewangan antarabangsa, termasuk perlunya undang-undang terhadap kegiatan dana lindung nilai dan institusi kewangan, di samping mewujudkan sistem

amaran awal bagi membantu negara yang menghadapi darurat dan krisis kewangan.

Kerangka kewangan antarabangsa adalah untuk mewujudkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam badan dunia, seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), IMF dan Bank Dunia.

Setakat ini, walaupun kerangka kewangan antarabangsa sudah dipersetujui, ia belum dapat digerakkan.

Mengenai harapan Malaysia terhadap sesi ke-27 ICFM selama empat hari, Dr Mahathir berkata, Malaysia mahu melihat negara anggota

OIC lebih bersatu padu dan menghormati negara lain.

Katanya, Malaysia juga tidak mahu sesebuah negara itu dituduh kurang Islam atau lebih Islam hingga menyebabkan negara tertentu mengambil tindakan politik.

"Ada sesetengah negara walaupun menjadi anggota organisasi yang sama, tetapi ada juga yang mengambil tindakan terhadap negara lain kerana berpendapat negara itu tidak begitu baik, mungkin kurang Islam daripada mereka.

"Inisama seperti yang berlaku dalam negara kita kerana ada juga puak yang menuduh orang itu kurang Islam, orang ini kurang Islam dan dengan itu mengambil tindakan politik," katanya.

Beliau berkata, perpaduan di kalangan negara Islam masih terlalu longgar walaupun menganggap

'diri mereka bersaudara seagama.

"Di negara kita pun, kita tengok macam itu...bila bercakap baik tapi buat lain, cakap tak serupa bikin," katanya.

Mengenai pendirian Malaysia terhadap jawatan Setiausaha Agung OIC, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak memihak kepada mana-mana negara.

Katanya, Malaysia hanya berpegang kepada prinsip persaudaraan Islam dan mahu negara Islam bersatu padu sekurang-kurangnya mengenai objektif tertentu.

Persidangan kali ini turut menumpukan soal pemilihan Setiausaha Agung OIC yang baru bagi sesi 2001-2004. Jawatan itu kini disandang oleh Profesor Dr Azeddine Laraki dari Maghribi.

Tiga calon dikatakan bakal mengisi jawatan

yang dikosongkan itu, ia itu dari Turki, Bangladesh dan Maghribi.

Ditanya sama ada Sekretariat OIC perlu dirombak dan disusun semula bagi mencapai hasrat berkenaan, Dr Mahathir berkata: "Itu kita tidak tahu, tetapi kita perlu membuat pertimbangan. Kalaupun dirombak, tetapi sikap masih semacam, tak ada guna juga."

Mengenai hasrat Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) yang meminta status pemerhati OIC, beliau berkata: "Itu kita kenanya kawan-kawan kita (negara anggota OIC)."

Hasrat itu jika dipenuhi, bukan saja membolehkan MILF menghadiri mesyuarat OIC mewakili bangsa Moro, malah dijangka memperhebatkan lagi kempenya ke arah membentuk sebuah negara Islam di Selatan Filipina.